



KENYATAAN MEDIA

PEMAJU SAHKAN TIDAK TERBABIT DALAM INSIDEN LORI SIMEN

Operasi Anak Syarikat Glomac di kawasan berakhir sebelum jam 7.00 malam

Kuala Lumpur, 20 Mac 2023: Berikutan laporan Berita Harian pada 17 Mac lepas mengenai insiden lori simen lebih muatan yang telah merosakkan jalan utama di kawasan Bandar Saujana Utama, pihak Kelana Kualiti Sdn. Bhd dan anak-anak syarikat lain di bawah Kumpulan Glomac atau kontraktor dilantik mengesahkan bahawa tiada pihak kami yang terbabit dengan insiden tersebut kerana kesemua aktiviti di tapak binaan berakhir sebelum jam 7.00 malam.

Pihak pemaju juga mengesahkan tiada lori simen yang memasuki tapak binaan tanpa kebenaran atau tanpa pengetahuan pasukan projek terutamanya selepas tamat waktu operasi harian. Semua kerja binaan konkrit di tapak projek Saujana Utama juga telah siap pada pertengahan bulan Februari tahun ini.

Anak-anak syarikat Glomac yang merupakan pemaju projek Perumahan Saujana Utama di Sungai Buloh, amat prihatin tentang keselamatan penduduk setempat serta sentiasa memantau kesemua projek pembinaan agar mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

GLOMAC BERHAD

Perhubungan Media:

Jabatan Komunikasi Korporat
DID: 03 7723 9056

Emel Rasmi: gccm@glomac.com.my
Laman Rasmi: www.glomac.com.my